



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
JADILAH
PENGGUNA YANG
BIJAK



ISLAMIC SALVAGE OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"JADILAH PENGGUNA YANG BIJAK".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dapat mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "JADILAH PENGGUNA YANG BIJAK."</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	6



<p>Kempen pengguna bijak merupakan penerangan secara konsisten untuk menyampaikan mesej kepenggunaan kepada umat Islam. Ini kerana, rata-ratanya masyarakat masih belum menghayati prinsip kepenggunaan. Pengguna yang bijak mempunyai ilmu tentang asas-asas kepenggunaan dan perlu mengetahui hak-hak tertentu yang boleh dipertahankan. Namun begitu, kempen Karnival Hari Kepenggunaan dilihat hanya mempromosikan pelbagai acara serta jualan barangan. Sebaliknya, kempen kepenggunaan perlu lebih memberi penekanan kepada kesedaran yang mendalam terhadap masyarakat mengenai perkhidmatan, amalan atau isu-isu semasa berkaitan kepenggunaan. Ini kerana, setiap individu dan masyarakat mempunyai hak yang selayaknya tanpa wujud ruang untuk ditindas atau dieksploitasi oleh pihak lain. Dalam memahami asas dan prinsip kepenggunaan, kita memerlukan tafsiran untuk mencari keredaan Allah SWT terhadap harta atau produk halal lagi baik yang dapat memberi manfaat kepada pengguna.</p>	7
<p>Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 168:</p> <p>يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾</p>	8
<p><i>“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”</i></p>	9



<p>Antara strategi dan langkah kempen kepenggunaan adalah menyebarkan maklumat bagi membolehkan lebih ramai masyarakat mengetahui hak dan pilihan, seterusnya dapat mendidik individu sebagai pengguna yang bijak. Penyampaian maklumat kepenggunaan dapat diperluaskan dalam menghadapi kenaikan harga barangan dan memudahkan orang ramai melaporkan kepada pihak berwajib bagi memastikan harga barangan kawalan tidak dinaikkan sesuka hati. Secara tidak langsung, kempen pengguna bijak dapat mendidik masyarakat dari penipuan peniaga yang memanipulasi pengguna untuk meraih keuntungan dengan mudah. Dengan kempen yang konsisten, peniaga berintegriti serta pengguna yang bijak, insiden penipuan dalam kes-kes yang dilaporkan di dada akhbar dan di media sosial dapat diatasi secara berkala melalui komunikasi berkesan antara pihak berkuasa dan pengguna prihatin .</p>	10
<p>Realitinya, dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, dan kos sara hidup yang semakin meningkat, kita perlu memahami hak sebagai pengguna. Saban hari, terdapat laporan dan aduan pengguna yang terpedaya dengan urusan niaga yang merugikan ibarat sudah terantuk baru tengadah. Antara modus operandi terkini sindiket penipuan yang menggunakan platform e-dagang sebagai medium untuk menipu pengguna. Selain itu juga, berbagai bentuk manipulasi dalam isu kepenggunaan antaranya scammer, penipuan transaksi online, produk tidak halal serta penipuan sijil halal. Selain itu juga, tiada tanda harga pada barangan yang dijual, label barang tidak lengkap dan penipuan pada sukatan dan timbangan, adalah antara insiden yang dibangkitkan oleh pengguna.</p>	11



<p>Sebagai pengguna yang bijak, kita perlu berhati-hati menyemak maklumat perniagaan yang ditawarkan sebelum menjalankan sebarang urusan niaga atas talian, urusan tawar-menawar dan sebagainya. Begitu juga, jangan cepat terpedaya dengan promosi iklan jualan murah dan tawaran kerja dengan pendapatan yang tidak munasabah. Senario ini menyebabkan kita mudah menjadi mangsa kepada peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan mengambil peluang di atas kelemahan kita. Ini kerana, tiada rasa takut dan gentar dengan azab Allah SWT dan tiada lagi sifat amanah yang dipraktikkan dalam urusan jual beli. Jika bukan kita, siapa lagi yang akan mengangkat sifat amanah. Bahkan sifat amanah menjadi benteng utama pengukur tahap keimanan seorang mukmin. Ini jelas</p>	12
<p>larangan melakukan penipuan oleh Rasulullah SAW menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'Anhu bahawa Baginda SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنَّا</p> <p style="text-align: center;"><i>"Barangsiapa yang menipu, maka dia bukanlah dari golongan kami."</i> <i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	13
<p>Terdapat beberapa langkah dan amalan untuk menjadi pengguna yang proaktif dan bijak. Pertama, pengguna boleh membandingkan harga dalam pasaran yang luas. Maka, pilihlah harga yang minimum namun berkualiti agar dapat berbelanja secara berhemah lebih-lebih lagi kita masih terkesan dengan ekonomi yang merundum selepas wabak Covid-19.</p>	14



<p>Kedua, pengguna yang bijak seharusnya mengelak daripada berhutang sehingga membebankan diri dan keluarga untuk terus membayar hutang secara berkala. Berbelanjalah sekadar mengikut kemampuan dan janganlah berbelanja melebihi pendapatan. Ibarat mengukur baju biarlah di badan sendiri. Manakala, pengurusan kewangan yang bijak dan betul menjadi jambatan melahirkan pengguna yang bijak. Ini kerana, ajaran Islam sangat mementingkan bersederhana dalam erti kata tidak terlalu kikir atau kedekut dan juga tidak terlalu boros atau membazir sehingga tidak mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT. Oleh itu, didiklah diri berbelanja dengan mengutamakan barangan buatan tempatan, secara tidak langsung ia dapat membantu merangsang pertumbuhan ekonomi domestik sejak terkesan dengan wabak Covid-19 .</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	15
<p>Dalam prinsip kepenggunaan apabila kita mempraktikkan amalan kepenggunaan yang bijak, kita akan merasa lebih tenang meskipun cabaran kos sara hidup yang semakin tinggi. Oleh itu, dalam konteks menampilkan ciri pengguna yang bijak, pengguna bukan sahaja bijak memilih barang berkualiti dan halal, akan tetapi bijak dalam menguruskan sisa bahan buangan bagi menjamin kebersihan dan kelestarian alam sekitar seperti tidak membuang sisa-sia buangan minyak terpakai ke sungai-sungai, parit-parit, longkang dan kawasan sekitar sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran. Bahkan pelupusan bahan sisa buangan perlu dilakukan dengan betul dan tidak mengancam kesihatan penduduk.</p>	16
<p>Hadis daripada A'isyah Radiallahu'Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ</p> <p><i>"Sesungguhnya Allah kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah dilakukan secara tekun".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Baihaqi).</i></p>	17



<p>Beberapa pengajaran dan penghayatan yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Sebagai pengguna Islam yang bijak, kita hendaklah mencari keredaan Allah SWT terhadap apa sahaja yang diurus, dibeli dan dijual.2. Sebagai pengguna Islam yang bijak, kita mestilah memenuhi etika, adat kesopanan dan kelakuan terpuji dengan mengetepikan sifat-sifat tercela seperti menipu untuk meraih keuntungan duniawi semata-mata.3. Sebagai pengguna yang bijak, Umat Islam janganlah mendatangkan kemudaratan kepada orang lain mahupun persekitaran di dalam membuang sisa-sisa makanan seperti minyak terpakai dan sebagainya.	18
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾</p>	19
<p><i>"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Rum : 41).</i></p>	20



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	21
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	22



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَاوَنَ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْذِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22